



NUKLEAR MALAYSIA IN THE NEWS

2016



NUKLEAR
MALAYSIA

Content : Newspaper

DATE	ARTICLE	NEWSPAPER	PAGE
11 January 2016	Khasiat Mas Cotek Dikaji	Utusan Malaysia	2-3
15 January 2016	Pakar Diplomasi Nuklear	Berita Harian	4-5
15 January 2016	KBAT Lahirkan Murid Kreatif, Inovatif	Utusan Malaysia	6
01 February 2016	Padi Mutan Tingkatkan Hasil	Utusan Malaysia	7-8
30 March 2016	Nuklear Malaysia Miliki Kepakaran Lupus Sumber Radioaktif Terkedap	Berita Harian	9-10
22 April 2016	Bengkel Pengurusan Pengetahuan	Kosmo	11
19 May 2016	'Irradiated Food Safe To Eat'	The Star	12
19 May 2016	Iridiasi Selamat	Harian Metro	13
26 May 2016	Ensiklopedia Nuklear Bahasa Melayu Diterbitkan Hujung 2016	Utusan Malaysia	14
01 June 2016	Saintis Wanita Kurang Menonjol	Berita Harian	15
01 June 2016	Nuclear Training Course For 17 Participants From 9 Countries	Nikkan Kenmin Fukui Newspaper, Japan	16
June 2016	Malaysia: Bringing More Variation	IAEA 60 Years	17-19
June 2016	5 Perisian Uji Tahap Sekuriti Laman Web Dan Server	Majalah PC	20-21
18 July 2016	Pembekal Utama Benih Cendawan	Sinar Harian	22
18 July 2016	Hab Cendawan Volvariella	Harian Metro	23
19 July 2016	Pendekatan Baru Dalam Kitar Semula: Penyelidikan Saintis Wanita Melalui Teknik Nuklear	Harian Tamil	24
08 August 2016	Titik Beratkan Teknologi Nuklear	Utusan Malaysia	25
17 August 2016	Wanita Penyampai Maklumat Berkesan	Berita Harian	26
12 October 2016	Nuklear Jimat Kos, Mesra Alam : Pakar	Berita Harian	27
9 November 2016	Nuclear Malaysia Tried To Correct The Public Misconception	China Press	28
30 November 2016	Teliti Nuklear Sebagai Sumber Tenaga	Utusan Malaysia	29
30 November 2016	Electricity Supply Is Enough To Cater The Demand	China Press	30
30 November 2016	Malaysia Not Decided On Building Nuclear Plant	Nan Yang Siang Pau	31
30 November 2016	Electricity Supply Is Enough	Sin Chew Daily	32
07 December 2016	RF Radiation Well Below Exposure Limits, Assures Sacofa	The Borneo Post	33

Content : Online Media

DATE	ARTICLE	ONLINE MEDIA	PAGE
30 March 2016	Agensi Nuklear Malaysia Berminat Guna Kepakaran RTM Pulihara Bahan Penyelidikan	Berita Wilayah (RTM 1) jam 5.30 petang	35
05 April 2016	Three Malaysian Agencies To Strengthen Critical Infrastructure Management	Mis Asia	36
17 May 2016	Nuklear Malaysia Terus Berkembang Sebagai Institusi Penyelidikan Ternama	BERNAMA.com	37
18 May 2016	Iridiasi Makanan Beri Manfaat Kepada Industri Makanan, Petani Dan Pengguna	BERNAMA.com	38
26 May 2016	Ensiklopedia Bahasa Melayu Diterbitkan Hujung 2016	Utusan Online	39
26 May 2016	Ensiklopedia Berkaitan Sains Nuklear Bakal Diterbitkan Pada Penghujung Tahun Ini	BERNAMA.com	40
26 May 2016	Ensiklopedia Berkaitan Sains Nuklear Bakal Diterbitkan	Perak Today	41
26 May 2016	Ensiklopedia Berkaitan Sains Nuklear Bakal Diterbitkan Penghujung Tahun Ini	Borneo Post Online	42
30 May 2016	Malaysia Masih Jalankan Kajian Tentang Teknologi Nuklear	BERNAMA.com	43
17 July 2016	Kedah Jadi Hab Benih Cendawan	BH Online	44
17 July 2016	Kedah Berpotensi Jadi Hab Benih Cendawan Volvariella Volvacea	BERNAMA.com	45
15 November 2016	Malaysia Nuclear Agency Yields Two New, Weather-Hardy Padi Strains	Borneo Post Online	46
29 November 2016	'More Pros Than Cons To Having Nuclear Plant'	The Sun Daily	47
30 November 2016	Malaysia Needs To Go For Nuclear Energy	The Star Online	48
Laporan Media Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) 2016			50-52
Rumusan Laporan Bulanan Liputan Media Elektronik Dan Media Cetak			53

Advisor

Dr. Mohd Ashhar Bin Hj. Khalid

Coordinator

Habibah Binti Adnan

Editor

Mohd Sha Affandi Bin Md Aripin
Raja Musfarizal Binti Raja Muhamad
UKK

Designer

Norhidayah Binti Jait

Thank you notes

This book is a compilation of newspaper clippings and online media to portray the successful story of Malaysian Nuclear Agency (Nuklear Malaysia) in 2016. We would like to thank to all media for the co-operation and continuous support. It is hoped that the stories between reporters and researchers will continue to enhance Malaysia's future development in nuclear technology.

Newspaper

agro**FAKTA >**

Khasiat mas cotek dikaji

Ada lima komponen aktif yang berguna untuk tubuh manusia

Oleh NUR FATIEHAH
ABDUL RASHID
teharashid@gmail.com

UMUM tahu teknologi nuklear mempunyai pelbagai aplikasi yang boleh digunakan meliputi bidang penyelidikan, perindustrian, pertanian dan perubatan dan tidak hanya terhad kepada pembuatan bom sahaja sebagai mana yang digambarkan dalam filem atau buku sains fizik.

Demi mengembangkan lagi penggunaan teknologi nuklear di negara ini, Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah menghasilkan bahan-bahan radioaktif untuk digunakan dalam aplikasi pelbagai bidang tersebut.

Dalam bidang perubatan khususnya, teknologi nuklear seperti radioaktif digunakan untuk menghasilkan radiofarmaseutikal bagi mendiagnosis penyakit seperti kanser, kardiologi dan neurologi agar kaedah rawatan lebih tepat dapat dilaksanakan terhadap pesakit.

Turut bertindak dan memainkan peranan sebagai sebuah agensi penyelidikan, Nuklear Malaysia sentiasa berusaha menghasilkan produk yang boleh dikomersialkan.

Oleh itu, demi bergerak seiring bersama negara membangun yang lain, agensi berkenaan telah mengambil inisiatif menggabungkan teknologinya bersama penawar tradisional iaitu herba tempatan demi membangunkan lagi bidang perubatan ke suatu tahap yang lebih tinggi.

Sebagai sebuah negara yang kaya dengan bahan mentah dan herba, ini adalah peluang terbaik bagi pengguna dan pengamal perubatan untuk mengeksplorasi sumber yang ada bagi meningkatkan lagi pembangunan industri perubatan.

Pengarah Bahagian Teknologi Perubatan Nuklear Malaysia, Dr. Shafii Khamis berkata, kemudahan perubatan negara yang berteknologi tinggi seperti radiofarmaseutikal perlu dimanfaatkan dengan lebih meluas dan harus dieksplotasi lebih mendalam.

"Oleh sebab itu, selain menggunakan teknologi untuk mengesahkan kanser terutamanya, pihak kami turut mencari ubat yang dapat menyelesaikan masalah yang ada iaitu dengan menggunakan herba tradisional."

"Kita sedar, demikian mendapatkan keupayaan teknologi terkini dan canggih, negara kita tidak mampu kerana kekangan

Mas cotek atau nama saintifiknya *Ficus deltoidea* merupakan tumbuhan herba popular.

Mas cotek juga dikenali dengan panggilan telinga beruk, telinga kera, delima sudip, pitis skeleng dan pelbagai lagi.



DR. SHAFII KHAMIS
menunjukkan antara produk yang dihasilkan daripada herba daun mas cotek dalam bentuk kapsul dan tablet.



TIKUS makmal
digunakan sebagai bahan ujian dalam menemukan bahan penawar perubatan.



PROGRAM Perolehan Peralatan Penyelidikan dan Pembangunan Radiofarmaseutikal dan Fitofarmaseutikal membolehkan pelbagai penyelidikan perubatan dilakukan di Nuklear Malaysia.



Mas coteck atau nama saintifiknya *Ficus deltoidea* merupakan tumbuhan herba yang semakin mendapat perhatian bukan sahaja daripada pengamal perubatan tradisional, malah pengamal perubatan moden turut mengaplikasikan penggunaan herba itu sebagai perubatan komplementari.

"Mas coteck ini mempunyai lebih 80 jenis spesies dan dikategorikan kepada mas coteck jantan yang berdaun kecil serta mas coteck betina yang berdaun besar.

"Khasiat mas coteck juga dikatakan dapat merawat dan mengekalkan tahap kesihatan seperti meningkatkan tenaga, membantu membakti peredaran darah, membantu merawat kencing manis, darah tinggi dan sebagainya mengikut peranan spesies masing-masing," katanya.

Hasil kajian yang dilakukan oleh Shafii juga menunjukkan bahawa mas coteck mempunyai lima komponen aktif yang berguna untuk tubuh manusia.

Menurutnya, komponen-komponen tersebut merupakan *flavonoids*, *tannins*, *triterpenoids*, *proanthocyanins* dan *phenols*.

"Komponen *flavonoids* merupakan anti oksidan yang sangat kuat bagi membantu mengekalkan peredaran darah yang kuat dan bertindak sebagai antiradang serta antirivial.

"*Tannins* pula dapat menegangkan tisu yang kendur, mengeringkan rembesan air berlebihan dan melindungi tisu yang rosak akibat ekzema atau melecur.

"Komponen aktif triterpenoids pula boleh membantu tubuh badan untuk mengeluarkan kahak dan menyerap nutrien, sementara phenols dapat membantu mengurangkan bengkak apabila bertindak sebagai antisептик," jelasnya.

Dalam pada itu, Shafii berkata, dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) industri herba, beberapa kriteria dan piawai perlu dipenuhi oleh ahli sains dan profesional daripada pelbagai disiplin.

"Sebelum tiba ke fasa terakhir pembuatan produk perubatan, prosesnya akan melibatkan kepakaran ahli sains pelbagai disiplin seperti farmakognosia, agronomi, fitokimia, farmakologi, toksilogi, bioteknologi dan sebagainya.

"Disebabkan perubatan herba yang semakin popular dalam penjagaan kesihatan, maka penyeragaman ubat itu sangat penting agar ia berada pada tahap yang boleh diterima piawaian demi menjamin keberkesanannya dan kualiti," ujarnya.

Tambahnya, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menetapkan garis panduan untuk proses penyeragaman ubatan herba bermula peringkat pengesahan, identiti taksonomi hingga hal histologi dan analisis mikroskopik.

"Dalam menghasilkan ubatan berdasarkan herba, kita perlu memastikan ia bebas daripada bahan asing seperti najis haiwan, tanah dan lain-lain lagi.

"Kemudian ujian lanjut akan dijalankan untuk mengenal pasti kehadiran logam berat seperti kadmium dan plumbum yang apabila diserap oleh tubuh badan ia boleh mendatangkan masalah kesihatan dalam jangka masa yang panjang.

"Setelah keseluruhan proses mengenal pasti bahan bebas toksik dan logam berat, barulah ubat-ubatan dibangunkan di peringkat akhir melalui Amalan Pengilangan Baik (GMP) iaitu sistem yang diwujudkan bagi membantu industri mencapai piawai pengeluaran makanan yang lebih tinggi bagi memenuhi kehendak keselamatan makanan dan pengguna," jelasnya.



ANTARA mesin menghasilkan tablet serta kapsul yang digunakan untuk mendapatkan produk akhir.



Pakar diplomasi nuklear

» Dr Noor Hasnah beri sumbangan besar kepada negara berkaitan isu di peringkat antarabangsa

Oleh Norhafzan Jaafar
hafzan@bh.com.my

Melihatkan gaya penampilan wanita kecil molek ini yang ringkas dan bersahaja, ramai yang tidak menyengaja beliau mempunyai pengaruh besar dalam bidang pembangunan nuklear tanah air.

Peranan Penyelidik Kanan, Agensi Nuklear Malaysia, Dr Noor Hasnah Mohamed Khairullah, 59, dianggap hebat kerana beliau sering diundang sebagai penceramah jemputan di dalam dan luar negara di atas kepakarannya berkaitan nuklear antarabangsa.

Bersetujuan dengan pengalamannya yang berkhidmat hampir 36 tahun di Agensi Nuklear Malaysia, tidak keterlaluan mengklasifikasi Noor Hasnah, antara pakar nuklear tempatan yang turut mencipta nama di pentas dunia.

Malah, buah fikirannya pernah dianggap sebagai pemutus dan penentu kepada pendirian kerajaan dalam menyuarakan pendapat dan pandangan mengenai isu nuklear antarabangsa demi mempertahankan hak masyarakat sejagat untuk memastikan pemindahan teknologi berkenaan bagi tujuan keamanan tidak dihalang

pihak berkepentingan.

Pendirian terhadap nuklear

Berkongsi pengalaman ketika bertugas sebagai atase sains yang juga pegawai gantian kepada wakil tetap Malaysia Ke Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Vienna, Austria, selama enam tahun, pada November 2005 hingga Januari 2011, menjadikan Noor Hasnah peka dan sensitif mengenai hal ehwal nuklear dunia.

“Sepanjang berada di Vienna, tugas saya sebagai penasihat kepada Duta Besar Malaysia di sana mengenai pendirian kerajaan Malaysia dalam bidang nuklear.

“Ia mendedahkan saya kepada banyak perkara dari segi rundingan diplomasi nuklear pelbagai hala sehingga membabitkan soal perjanjian, konvensyen dan perundangan nuklear antarabangsa.

“Dalam tempoh tugas saya di Vienna, Malaysia ketika itu juga dilantik sebagai pengurus Ahli Lembaga Gabenor Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) pada tahun 2010. Secara tidak langsung ia memerlukan saya menyediakan draf kenyataan kebangsaan dan resolusi IAEA berkaitan isu nuklear.

• Muka 7



Dari kiri; Penyelidik Kanan Agensi Nuklear Malaysia, Dr Noor Hasnah, Dr Siti A'iasah Hashim dan Salmah Moosa.



BIODATA

Dr Noor Hasnah

Nama: Dr Noor Hasnah Mohamed Khairullah
Umur : 59 tahun
Jawatan: Penyelidik Kanan, Agensi Nuklear Malaysia

Tarikh & tempat lahir:

31 Oktober 1956,
 Tapah, Perak.

Sekolah: King George V, Seremban, Kolej Tunku Kurshiah, Seremban.

Pendidikan: Ijazah Sarjana Muda Kimia Gunan, University of Central Queensland, Australia. Ijazah Sarjana Radiofarmasi, University of Southern California, Amerika Syarikat. Ijazah Kedoktoran Sains Farmasi, University of Nottingham, United Kingdom.

Persatuan: Presiden Women in Nuclear (WiN) Malaysia Ahli Lembaga Women in Nuclear Global Ahli Jawatankuasa Persatuan Nuklear Malaysia

Anak: Dr Mohd Yuhji, 33
 Dr Noor Zahirinah, 30
 Muhammad Afiq, 25



Dr Noor Hasnah sering **mewakili negara** ke persidangan di luar negara mengenai nuklear.

Utama tugas didik anak

● Dari muka 6

"Setiap keputusan atau pendirian yang dikemukakan kerajaan disifatkan sangat penting kerana ia bakal menentukan masa depan bukan saja negara kita, tetapi juga negara lain untuk mendapatkan pemindahan teknologi nuklear bagi tujuan keamanan," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Misi pakar pembangunan nuklear
 Noor Hasnah berkata, ketika di Vienna, beliau juga menjalankan tugas sebagai atasan sains Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang turut menasihati menterinya dalam rundingan meja

bulat menteri sains Pertubuhan Pendidikan, Kebudayaan dan Saintifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Katanya, berikutnya pengalaman di Vienna itu menjadikan beliau sering menerima undangan IAEA untuk menjalankan misi pakar bagi tujuan pembangunan nuklear di peringkat antarabangsa.

Ibu tunggal kepada tiga cahaya mata ini mengaku, beliau seorang yang komited terhadap kerjayanya tetapi dalam masa yang sama yang seseorang tidak melupakan tugas dan tanggungjawab mendidik anak.

"Jika diimbang semula ketika berada di Vienna, tugas saya menuntut pengorbanan masa untuk bersama-sama keluarga. Namun, saya bertuah

Bersama dua daripada tiga anaknya ketika sambutan Aidilfitri.



kerana pada masa itu anak sudah meningkat remaja, malah seorang daripada mereka sudah melanjutkan pengajian di peringkat universiti.

"Mereka boleh berdiri sendiri tanpa perlu terlalu bergantung kepada saya. Lagi pula Vienna adalah antara

bandar raya menawarkan kualiti kehidupan terbaik di dunia selain ia adalah selamat dan aman," kata-nya mengulas tugas sebagaimana ibu.

Keluarga paling utama
 Noor Hasnah berkata, beliau tidak pernah me-

nganggap hidup di negara orang sebagai menyusahkan walau pun terpaksa membesar anak bersendirian.

Sebaliknya beliau menyifatkan ia sebagai pengalaman paling berharga apabila dapat mempelajari kehidupan budaya yang berbeza.

"Ia juga satu kelebihan kepada anak saya sendiri apabila mereka mengambil kesempatan berada di Austria itu untuk menambah lagi kemahiran komunikasi dengan mempelajari bahasa tempatan.

"Saya berunting kerana anak sulung ketika itu pula melanjutkan pengajian di United Kingdom, jadi memudahkan kami untuk ke sana atau dia pulang ke Vienna," katanya.

Bertanggungjawab bangunkan sistem pengurusan kualiti SINAGAMA

Mengimbas semula pembabitannya dalam bidang nuklear, Noor Hasnah yang memperoleh ijazah pertamanya dalam bidang Kimia Gunan dari Universiti Central Queensland, Australia, berkata beliau memulakan khidmat dengan agensi itu pada 1 Februari 1980 apabila ditempatkan di Seksyen Kawalan Mutu, Jabatan Isotop.

"Pada awal pembabitan dalam bidang ini, saya diberi tanggungjawab

membangunkan makmal dan kemudahan, selain menyediakan prosedur kawalan mutu bagi Program Pengeluaran Radiosiotop dan Radiofarmaseutikal.

Lakukan penyelidikan radiofarmaseutikal

"Pada masa sama, saya turut melakukan penyelidikan dalam pembangunan radiofarmaseutikal untuk kegunaan perubatan nuklear di hospital

tempatan," katanya.

Kini, selain bertanggungjawab sebagai penyelidik kanan di agensi terbabit, beliau juga memegang jawatan sebagai Pengurus Kumpulan Teknologi Radiofarmasiutikal di Bahagian Teknologi Perubatan sejak 2014.

Malah, Noor Hasnah adalah orang yang bertanggungjawab membangunkan Sistem Pengurusan Kualiti berdasarkan Standard Kualiti

ISO 900 dan Sistem Good Manufacturing Practice (GMP) bagi tujuan pensijilan untuk memastikan perkhidmatan penyinaran komersial yang dijalankan SINAGAMA menerima pengiktirafan antarabangsa.

Kejayaannya membangunkan sistem pengurusan kualiti SINAGAMA berkenaan menjadikan kemudahan itu entiti kerajaan pertama di Malaysia yang menerima pensijilan ISO 900.



Perangkaian Fikiran Berkayu

7 elemen dalam melaksanakan KBAT

Elemen Utama

- **1. Kurikulum**
 - Elemen KBAT dalam kurikulum
 - Menyediakan Standard KBAT dari Prasekolah ke Tingkatan 5
- **2. Pedagogi**
 - Pedagogi KBAT yang efektif dalam bilik darjah berdasarkan penggunaan alat berfikir seperti program i-THINK
- **3. Pentaksiran**
 - Tingkatkan peratus dan kualiti soalan-soalan pentaksiran
 - Menyediakan manual pembinaan item KBAT
- Elemen Sokongan**
- **4. Kokurikulum**
 - Menyediakan Toolkit untuk penyelesaian masalah dan membuat keputusan
 - Setiap muris terlibat dalam projek 1 Murid 1 Projek (IMIP) untuk meningkatkan KBAT
- **5. Sokongan Komuniti dan Swasta**
 - Mewujudkan mekanisme galakan penyertaan komuniti dan sektor swasta untuk menyokong KBAT dalam aktiviti di sekolah
- **6. Bina Upaya**
 - Menyediakan latihan KBAT kepada guru (fokus guru Matematik, Sains dan Sejarah)
 - SISC+ membimbang guru dalam KBAT
- **7. Sumber**
 - Mempertingkatkan dan mempelbagaikan KBAT

KBAT lahirkan murid kreatif, inovatif

Oleh MOHD. AZRAIE MD. YUSOF

PENERAPAN Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam pengajaran dan pembelajaran pada abad ini amat penting bagi memastikan murid dapat bersaing bukan sahaja di peringkat nasional, malah di pentas antarabangsa selaras dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

KBAT membolehkan murid mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penerapan serta refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi serta berupaya mencipta sesuatu.

Bagi melaksanakan KBAT di sekolah, Kementerian Pendidikan telah menggariskan tujuh elemen dengan tiga daripadanya merupakan elemen utama iaitu Kurikulum, Pedagogi dan Pentaksiran manakala empat yang lain merupakan elemen tambahan iaitu Kokurikulum, Sokongan Komuniti dan Swasta, Bina Upaya dan Sumber.

Dalam masa sama, kementerian turut memperkenalkan program i-THINK bagi membantu pihak sekolah membudayakan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran bagi melahirkan murid yang berfikir kreatif, kritis dan inovatif.

i-THINK mula diperkenalkan pada 2012 di 516 buah sekolah sebelum diperluas ke 548 buah sekolah pada 2013 dengan pelbagai aktiviti diadakan seperti menggunakan Peta Pemikiran, mengadakan dialog kepimpinan kolaboratif dan melaksanakan usaha untuk mengupayakan kemahiran guru.

Bagi memastikan program KBAT di negara ini setaraf negara-negara lain yang melaksanakannya, kementerian telah menggalas kemahiran menyelesaikan masalah dalam kalangan murid melalui pentaksiran antarabangsa iaitu Programme International Student Assessment (PISA) dan Trends in International Mathematics and Science



PELAJAR dari SMK Tanduk Kota, Sabah sedang melihat eksperimen di sebuah makmal semasa lawatan peserta Perkhembahan Nuklear 3V ke Agenzia Nuklear Bangi, Selangor.

Study (TIMSS).

Daripada analisa tersebut, kementerian telah membangunkan 30 modul intervensi bagi mata pelajaran Sains dan 32 modul bagi Matematik yang memberi tumpuan kepada kemahiran inkuiri saintifik dan kemahiran menyelesaikan masalah.

Kementerian juga telah menghantar sebanyak 15,768 orang guru mata pelajaran Sains, 12,123 guru Matematik dan 50,957 guru mata pelajaran lain untuk menerima latihan berunsur KBAT oleh jurulatih dari South East Asian Ministers of Education

Organization Regional Centre for Science and Mathematics.

Hasilnya, kementerian mula melihat penerapan secara keseluruhan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran sekali gus menunjukkan perubahan positif dalam bilik darjah.

Langkah ini menunjukkan usaha kementerian dalam menganjurkan pembelajaran murid daripada pembelajaran yang hanya berbentuk hafalan kepada pembelajaran yang lebih menekankan pemikiran kritis dan kreatif dalam menyelesaikan masalah.



PELAKSANAAN KBAT mampu melengkapkan pelajar dengan kemahiran-kemahiran yang penting.

fokus

FAKTA PADI MUTAN

Mampu menghasilkan hasil yang tinggi.

Mampu bertahan dalam keadaan cuaca yang tidak menentu.

Padi mutan tingkatkan hasil

Hasil penyelidikan Nuklear Malaysia berjaya bantu petani

Oleh LAUPA JUNUS
laupajunus@hotmail.com



TEKNOLOGI pertanian kini semakin berkembang dan menawarkan banyak penyelesaian termasuklah menghasilkan anak benih atau anak pokok berkualiti.

Antaraan adalah bioteknologi seperti kultur tisu selain pembibitan tampang dan mutasi aruhan.

Agenzia Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) turut menawarkan kaedah mutagenesis iaitu penggunaan teknologi nuklear bagi menghasilkan varieti baharu termasuk mutan.

Teknologi pembaikbaikan tersebut berjaya menghasilkan kultivar atau varieti baharu dengan mengubahsuai genetik tanaman benih menghasilkan varieti atau kultivar yang mempunyai ciri ciri yang dingin dengan menggunakan sinaran radioaktif.

Agensi berkenaan menerusi Bahagian Agroteknologi dan Biosainsnya telah lama memanfaatkan teknologi tersebut. Terbaru, mereka berjaya menghasilkan varieti padi yang menggunakan teknologi mengubahsuai genetiknya menggunakan sinaran radioaktif.



DR. SOBRI HUSSEIN (kanan) dan rakan penyelidik memasukkan benih padi untuk diedahkan kepada sinaran gama di Bangi.

BEKAS Timbalan Ketua Pengarah Nuklear Malaysia, Dr. Muhd. Noor Muhd. Yunus (empat dari kiri) bersama Suskeri Mohd. Nor (lima dari kanan) dan wakil MADA dan PPK pada program demonstrasi padi mutan di Pendang Kedah.



PROSES
menanam padi mutan menggunakan kaedah transplanter atau pendedung automatik.

Menurut agensi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) itu, varieti asal padi yang digunakan adalah MR219 dan proses mutagenesis tersebut membantu memperbaiki kualiti padi yang sedia ada.

Penyelidik yang terlibat dengan kajian tersebut Dr. Sobri Hussein berkata, penyelidikan telah dilaksanakan sejak 10 tahun lalu, susulan kejayaan menghasilkan pelbagai varieti tanaman industri sebelum ini.

Beliau berkata, penghasilan varieti

baru yang diberi nama padi mutan NMR152 merupakan hasil cetusan idea rakun penyelidiknya Dr. Abdul Rahim Harun menerusi dana penyelidikan MOSTI.

Dr. Abdul Rahim merupakan Pengurus Kumpulan Agroekosistem, Bahagian Agroteknologi dan Biosains yang juga Ketua Projek Pembaikbaikan Padi, Nuklear Malaysia.

Padi tersebut dihasilkan dengan kaedah penyinaran secara akut (*acute*) pada dos sinaran 300 Gy menggunakan kemudahan sel gama atau kebubuan Gama.

"Bagi memastikan varieti ini stabil pemilihan di sawah telah dilaksana melebihnya enam tahun dan apabila hasil padinya konsisten barulah ia akan dimajukan ke peringkat yang lebih tinggi," ujarnya.

Menurut Dr. Sobri, varieti asal MR 219 yang dihasilkan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDD) itu didehdahkan kepada sinaran gama.

Projek penanaman padi mutan itu bermula sejak beberapa tahun yang lalu di beberapa lokasi di Semenanjung Malaysia seperti Tanjung Karang, Selangor; Parit 9 Chenderong Balai, Perak; Kampung Utan Aji, Perlis dan Kampung Kubang Anak Gajah, Pendang Kedah dengan kerjasama MADA dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), Pendang, Kedah.

Dr. Sobri berkata, penerimaan petani terhadap baka baharu itu sangat baik, bukan sahaja petani, tetapi agensi yang terlibat.

"Hasil kajian diplot penanaman petani menunjukkan peningkatan sebanyak dua setiap musim berjaya diperoleh. Secara purata, petani berjaya memperoleh sebanyak lapan tan sehektar," jelasnya.

Indeks glisemik juga dikatakan rendah iaitu antara 65 hingga 66 peratus, berbanding pokok asalnya 70 peratus.

Boleh dituai selepas 118 hari ditanam.

Mampu tumbuh subur dalam keadaan yang kekurangan air.



MEMILIH benih bermutu sebelum didedahkan kepada sinaran gama.



Apa yang menarik kata Dr. Sobri, padi mutan tersebut boleh menjadi alternatif kepada varieti sedia ada.

Kata beliau, fenomena cuaca yang tidak menentu pada masa ini menyebabkan pelbagai masalah kepada petani.

Kedua-dua itu menyebabkan pengurangan hasil padi yang diperoleh oleh petani yang terus membawa kepada pengurangan pendapatan isi rumah.

Dengan adanya padi mutan ini, memberi peluang kepada petani mendapat bekalan padi benih yang tahan lasak dan mampu bertahan dalam keadaan cuaca yang tidak menentu," ujarnya.

Kejayaan tersebut juga membuktikan keupayaan Nuklear Malaysia menyumbang kepada pemodenan bidang pertanian menggunakan teknologi yang dimiliki.

Teknologi nuklear mampu menghasilkan kepelbagaian tanaman dari sumber genetik yang terbatas. Selain itu, teknik ini sangat mudah untuk dilaksanakan. Malah petani sendiri boleh melakukannya.

Susulan penyelidikan itu, pihaknya sangat berharap dapat kerjasama dari semua pihak termasuk MARDI, Jabatan Pertanian, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi memastikan padi mutan itu boleh dijadikan benih padi yang sah dan mampu membantu petani mendapatkan pendapatan yang lebih.

Beliau juga berharap, padi mutan itu mampu membantu kerajaan mengatasi masalah kekurangan beras dan meningkatkan tahap sara diri (SSL) kepada paras yang lebih tinggi.

AGI menguji kemampuan padi mutan yang dihasilkan, Nuklear Malaysia dan pelbagai agensi perlu mewujudkan plot demonstrasi selain majlis penerangan kepada petani terlibat.

Sebagai contoh menerusi plot demonstrasi di Pendang, Kedah yang diadakan bermula Februari hingga September 2015, kemampuan padi tersebut teruji dengan kejayaan penghasilan yang lebih tinggi.

Selain Nuklear Malaysia agensi lain yang terlibat ialah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Pertubuhan Peladang Kawasan MADA E-III Kobah dan seorangan penanam, Suskeri Mohd. Noor.

Objektif projek demonstrasi tersebut adalah untuk memperoleh hasil yang optimum bagi padi mutan di lokasi berbeza, dan menilai hasil padi mutan dalam keadaan kekurangan air.

Petani juga ditawarkan paket agronomi yang sesuai bagi padi mutan berkenaan.

Plot demonstrasi tersebut menggunakan kaedah penanaman pendedung automatik (*transplanter*) dengan keluasan tanah 10 relong atau 2.8 hektar (ha).

Nuklear Malaysia menawarkan paket teknologi merangkumi benih padi mutan oligokitosan dan biobaja cecair dan menggunakan amalan penanaman biasa petani menerusi skim subsidi kerajaan.

Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) mencadangkan seroang pengusaha Suskeri dan dilaksanakan dengan kerjasama dan bimbingan Pengurus PPK Ulul Azmi Mohamad Noor dan dua wakil dari PPK MADA E-III Kobah, Mohamad Khairi Senapi dan Azizi Kamis.

Menurut Suskeri, hasil padi yang diperoleh pada setiap musim sebelum ini adalah sekitar 1.8 tan untuk satu relung.

Walau bagaimanapun apabila paket agronomi Nuklear Malaysia diperkenalkan, hasil padi di plot yang sama meningkat ke 2.3 tan serelung.

Sekiranya hasil ditukarkan kepada unit hektar (ha), hasil padi tersebut bersamaan dengan 8.05 tan sehektar.

Hasil tersebut menurut beliau adalah sangat tinggi kerana purata hasil padai kebangsaan ialah 4.207 t/ha.

Di plot percubaan padi MR219 (plot kawalan) menghasilkan dua tan serelung, iaitu bersamaan dengan tujuh tan sehektar.



Nuklear Malaysia Miliki Kepakaran Lupus Sumber Radioaktif Terkedap

Nuklear Malaysia miliki kepakaran lupus sumber radioaktif terkedap

Robot digunakan untuk urus sisa dalam kapsul sebelum ditanam dalam bumi


**MONA
AHMAD**

mona@bh.com.my

Pernahkah terlintas di pikiran kita berapa panjang tempoh hayat sisa radioaktif? Mungkin bagi saintis atau mereka yang terbabit dalam bidang ini tentunya dengan mudah memberikan jawapan. Namun, bagi masyarakat biasa tentunya tidak terjangkau dek minda.

Ada sesetengah sisa bahan radioaktif yang jangka hayatnya mencecah ratusan ribu tahun. Misalnya, Radium 226 yang banyak digunakan dalam alat penahan kilit, separuh hayatnya saja mencecah 1,600 tahun.

Sejak penemuan radioaktif pada akhir abad ke-19, bahan radioaktif banyak digunakan bagi tujuan perubatan, pertanian, industri dan pendidikan.

Dianggarkan sekurang-kurangnya 10 juta Sumber Radioaktif Terkedap yang Tidak Digenakan (DSRS) dileluarkan di seluruh dunia dan dua juta sumber dikesan di Amerika Syarikat saja.

Sumber radioaktif terkedap ini banyak digunakan terutama dalam merawat kanser dan pada peringkat industri pula ia digunakan bagi menguji kimballan yang penting bagi



Nuklear Malaysia satu-satunya pusat penyimpanan sisa radioaktif ini dan dijangkakan ia mampu menampung jumlah DSRS sehingga menjelang tahun 2025"

Mohd Abd Wahab Yusof,
Pengerah Bahagian Teknologi Sisa dan Alam Sekitar Agenzia Nuklear Malaysia

memastikan keselamatan tekanan kepada kapal, pengesan asap, penahan kilit, pensterilan makanan serta penerokaan minyak serta gas.

Namun, semua sumber pastinya mempunyai tempoh kegunaannya. Ada yang tidak lagi berguna kerana unsur radioaktifnya tidak mencukupi, peralatan untuk menggunakan rosak akibat masalah lain atau syarikat yang menggunakan sumber itu sudah tidak menjalankan operasinya.

Bahaya kepada manusia

Bagaimanapun, menurut Pengarah Bahagian Teknologi Sisa dan Alam Sekitar Agenzia Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia), Dr Mohd Abd Wahab Yusof walau apa juga sebab ia tidak lagi digunakan, ia tidak bermakna sumber itu kehilangan kuasaanya. Bahau ini masih lagi berbahaya kepada manusia.

Di Malaysia, katanya, kebanyakan industri menggunakan sumber radioaktif dalam bentuk punca terkedap. Mengikut peraturan, sisa bahan radioaktif ini perlu dilupuskan di negara tempat ia diimport seperti Jerman dan Amerika Syarikat, misalnya.

"Namun, timbul isu lain apabila ada sesetengah pihak industri enggan menghantar ke negara asal sisa buangan radioaktif kerana kos yang tinggi. Selain itu, ada syarikat pengeluar yang sudah tutup akibat muflis," katanya.

Atas dasar tanggungjawab sosial, Nuklear Malaysia turut menerima bahau sisa radioaktif yang perlu dilupuskan dengan kos yang sangat minimum.

Bahan radioaktif ini perlu dilupuskan dengan kaedah yang selamat dan



betul bagi mengelakkan ia dicuri piaku tidak bertanggungjawab.

Ia dibimbangi akan dijadikan 'dirty bomb,' bom radioaktif yang dibuat dengan gabungan bahan bakar konvensional. Bom ini dikatakan boleh digunakan sebagai senjata untuk mencemarkan kawasan yang terkena letupannya.

Salah guna sisa radioaktif


"Isu kini adalah apabila sisa radioaktif tidak dilupuskan dengan betul dan hanya diletakkan di merata-rata termasuk dalam bilik stor, sekali gus terdedah kepada penyalahgunaan dan dibimbangi memudahkan ia dicuri pihak tidak bertanggungjawab," katanya.

Bericerita mengenai kemudahan penyimpanan radioaktif di Nuklear Malaysia beliau berkata, pihaknya sudah menawarkan perkhidmatan itu



Bangunan untuk penyimpanan radioaktif di Agenzia Nuklear Malaysia. [FOTO SAIFULLIZAN TAMADI/BH]





Stesen Nuklear Electricite de France
di Civaux, Perancis. [FOTO REUTERS]

sejak 1985. Ia disimpan di bangunan yang dikawal ketat dan hanya pekerja tersebut sajalah dibenarkan memasuki bangunan itu.

8,000 sisa diurus Nuklear Malaysia

Ketika ini, sudah ada lebih 8,000 sumber sisa radioaktif yang diuruskan pihak agensi berkenaan.

"Ada sisa radioaktif yang disimpan di Nuklear Malaysia separuh jangka hayatnya yang disimpan di Nuklear Malaysia yang mencecah 30 tahun dan adajuga yang mencecah 1,600 tahun," katanya.

Objektif utama adalah untuk menguruskan bahan sisa buangan radioaktif supaya ia selamat kepada orang awam dan alam sekitar untuk masa kini dan akan datang.

Mohd Abd Wahab berkata, ketika ini Nuklear Malaysia membuat penyelidikan berkaitan cara pelupusan yang baik dan selamat bukan hanya kepada generasi

kini tetapi juga akan datang.

Menerusi kajian itu, DSRS akan dimasukkan dalam silinder tebal berkonkrit sebelum ditamam di dalam tanah yang dikonkritkan.

"Nuklear Malaysia satu-satunya pusat penyimpanan sisa radioaktif ini dan dijangkakan ia mampu menampung jumlah DSRS sehingga menjelang tahun 2025," katanya.

Namun, penyimpanan sisa radioaktif saja tidak mencukupi. Justeru, Nuklear Malaysia turut menjalankan penyelidikan pelupusan sisa radioaktif yang kini sudah pada peringkat penilaian keselamatan.


"Dalam penyelidikan ini, selepas mengumpulkan DSRS, proses pengondisionan (pemeguan) untuk mengurangkan jumlah radioaktif dilakukan. Pengondisionan dilaksanakan untuk mengeluarkan radioaktif dari perisianya dan memasukan dalam bekas silinder yang dicipta khas.

Asap tebal berpunca daripada kebocoran radioaktif
di sebuah kilang di Rawang pada April 2014. [GAMBAR HIASAN]



INFO

Rajah tempat pelupusan sisa radioaktif



"Kita nampak ia besar sebenarnya tidak. Sebenarnya sisa radioaktif ini hanyalah kecil.

Dalam satu silinder boleh dimasukkan 60 hingga 100 unit. Ia perlu dilakukan dengan berhati-hati kerana apabila proses pengondisionan ia membabitkan kadar radioaktif yang tinggi dan halnya dikendalikan pakar terlatih saja," katanya.

Pakar nuklear Malaysia

Selain itu katanya, pihaknya menerima bantuan kapakaran daripada Agensi Tenaga Nuklear Antarabangsa (IAEA) tetapi kini Malaysia sudah mempunyai pakar sendiri dan mampu mengendalikannya sendiri.

Semua proses dilakukan menggunakan bantuan robot, termasuk masukkan sisa radioaktif ke dalam kapsul ini menggunakan mekanikal ia akan diputerikan sebelum dimasukkan dalam bekas besi kalis karat.

Cara penyimpanan sisa radioaktif negara tidak sama dengan negara major seperti Amerika kerana jumlah sisa radioaktif negara itu terlalu banyak berbanding Malaysia.

"Selesai proses kimpalan, silinder akan dimasukkan dalam lubang gerek (borehole) ke dalam tanah yang dalam antara 30 meter hingga 300 meter dan 300 meter ke bawah yang dikenali sebagai ke dalam tanah yang dalam. Kamera kecil turut digunakan untuk melihat apa yang berlaku di dalam tanah dalam itu," katanya.

Dalam penilaian keselamatan Nuklear Malaysia, selepas 13,000 tahun orang awam akan menerima 0.3 millisivert (mSv) setahun. Justeru, ia adalah cara yang paling selamat untuk melupuskan sisa radioaktif.



Ditanya mengenai pandangan negatif sesetengah pihak mengenai kesan radioaktif menjadi punca penyakit kanser beliau berkata, sehingga kini masih belum ada kajian yang membuktikan perkara itu.

Katanya, seperti kes di Hiroshima misalnya, masih belum ada bukti kukuh yang mampu mengaitkan penyakit kanser dengan kesan radioaktif ketika Perang Dunia Kedua. Mangsa yang mati kerana tidak tahan dengan kadar kepanasan akibat bom yang dijatuhkan itu bukannya akibat radiasi.

"Malah di beberapa kawasan di dunia misalnya di pekan Ramsar, Mazadaran Iran, kadar radioaktif semula jadiinya terlalu tinggi namun ia langsung tidak menjasakan tahap kesihatan penduduknya."

"Saya sendiri sudah lebih 30 tahun berkerja dalam bidang ini dan terdedah dengan radioaktif. Alhamdulillah, setakat hari ini masih sihat," katanya.

Beliau berkata pandangan negatif mengenai nuklear adalah kerana kurangnya kesedaran dan pendidikan mengenai nuklear sendiri.

22 APRIL 2016

Bengkel Pengurusan Pengetahuan

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

KAKITANGAN
Agenzia Nuklear
Malaysia bergambar
kenangan pada
Bengkel Pengurusan
Pengetahuan dan
Dokumen 2016 di
Bangi, Selangor baru-
baru ini.

**KIRIMAN : NORZEHAN
NGADIRON, BANGI,
SELANGOR**





Making their rounds: Dr Mohd Ashhar (second from right) visiting an exhibition booth with senior agency director Dr Zulkifli Mohamed Hashim (right) during the food safety seminar in Kuala Lumpur.

'Irradiated food safe to eat'

By LOH FOON FONG
foonfong@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Consumers should not worry about eating food zapped by radiation as studies have shown there was no radioactive residue in them to cause harm, said Malaysian Nuclear Agency director-general Datuk Dr Muhammad Lebai Juri.

Food that was exposed to gamma rays, electron and X-rays would not cause it to be radioactive because the energy of the rays was low.

In fact, he said they were free of residue, unlike food that had been treated with chemicals.

"Some people think that eating irradiated food could cause cancer.

"This is because they equate irradiated food with radioactive food due to radioisotope contamination from nuclear plant accidents such as the Fukushima incident in 2010," he said at a food safety seminar yesterday.

The text of his speech was read out by his deputy (technical services

programme) Dr Mohd Ashhar Khalid.

The Health Ministry had approved the sale of irradiated food in Malaysia under the Food Irradiation Regulations and was enforced in 2013.

Dr Muhammad cited examples of products found in Malaysia such as herbs, spices, tea, grains and frozen food.

International food experts had proven that food irradiation adhering to the required standards would be safe to eat, he said.

26 | setempat

Suraya Roslan
Suraya@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Makanan yang melalui proses iradiasi selamat dimakan dan tidak menjelaskan kesihatan pengguna. Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia Datuk Dr Muhammad Lebal Juri berkata, penyelidikan dalam menentukan keselamatan iradiasi terhadap hasil pertanian dan produk makanan di negara ini dilahkan penyelidik agensi berkenaan sejak 1980-an.

"Agensi Nuklear Malaysia mempunyai kemudahan iradiasi Singama yang memberi khidmat iradiasi kepada industri makanan yang mengikuti

19-05-2016

» Agensi Nuklear Malaysia sedia **kemudahan iradiasi Singama untuk industri makanan**

HARIAN METRO

hadap keselamatan makanan durasi yang dikatakan menjelaskan kesihatan sehingga boleh mendapat kanser.

"Kami melakukan pemrosesan produk makanan di Singgama membabitkan herba, rempah, teh, bijirin dan makanan sejuk beku.

"Sebanyak 316 tan produk makanan dan herba iradiasi di Singgama pada 2011 dan meningkat ke 1,089 tan pada tahun lalu," katanya.

Menurutnya, agensi itu mempunyai kepakaran dalam teknologi iradiasi dan juga akif memberi latihan serta khidmat nasihat melalui program pendidikan kepada pelbagai pihak seperti industri makanan, pengguna dan pengawal kawasan dan peraturan.

"Nuklear Malaysia mem-

bangunkan kaedah menggunakan teknik Photo-stimulated Luminescence (PSL) bagi membuat dalam pengukuran kualiti Peraturan Iradiasi Makanan 2011.

"Kementerian Kesihatan Malaysia meluluskan peraturan makanan iradiasi di Malaysia mengikut Peraturan Iradiasi Makanan 2011 berikut kawas pada Oktober 2013. Kami mula memberi khidmat makanan untuk menyaring sama ada bahan makanan yang digunakan iradiasi perlu dilabel jika melebihi lima peratus daripada kandungan makanan," katanya.

Katanya, ramai pihak menyamakkannya dengan makanan radioaktif yang berhasil akibat pencemaran radioisotop.

Iradiasi Selamat

■ Penyelidikan tentu tahap dalam makanan

Perkhidmatan Teknikal Dr Mohd Ashhar Khalid pada Seminar Keselamatan Makanan kali ke-6 di sebuah hotel di sini, semalam.

Menurutnya, orang ramai keliru dan salah taham ter-

Ensiklopedia nuklear bahasa Melayu diterbitkan hujung 2016



ZULKIFLI MOHAMED HASHIM (dua dari kanan) berbual dengan peserta pada Seminar Penulisan, Penerbitan Saintifik dan Bengkel 2016 di Ipoh. Perak. - UTUSAN/ZULKARNAIN MOHD.SAIDIN

IPOH 25 Mei— Ensiklopedia mengenai teknologi sains nuklear dalam bahasa Melayu yang pertama dihasilkan di negara ini akan dilancarkan pada hujung tahun ini.

Pengarah Kanan Program Pengkomersialan dan Perancangan Teknologi Agensi Nuklear Malaysia, Datuk Dr. Zulkifli Mohamed Hashim berkata, setakat ini ensiklopedia setebal 250 muka surat itu yang dihasilkan dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sudah 95 peratus siap.

Tambah Zulkifli, ensiklopedia itu yang dihasilkan sejak dua tahun lalu mengandungi entri-entri khusus dalam teknologi sains nuklear yang penting untuk membantu pembaca memahami dengan lebih berkesan mengenai bidang berkenaan.

Kata beliau, seramai 99 penulis anak tempatan dalam kalangan pegawai penyelidik di Agensi Nuklear Malaysia terlibat dalam menghasilkan bahan itu.

“Agensi Nuklear Malaysia merancang ensiklopedia ini untuk merakyatkan sains supaya masyarakat umum dapat memahami bidang sains nuklear dengan lebih baik kerana kita tidak mahu bidang ini tertutup kepada kumpulan penyelidik sahaja.

“Kita mahu rakyat faham dan

pat sokongan dan peruntukan daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

“Untuk penerbitan edisi pertama ini, kita perkenalkan istilah sains nuklear secara umum dan mungkin pada masa depan kita buat pula secara khusus contohnya istilah nuklear dalam bidang perubatan,” katanya.

kan Seminar Penulisan, Penerbitan Saintifik dan Bengkel 2016 anjuran agensi itu yang berlangsung selama tiga hari bermula semalam, di sini hari ini. Yang turut hadir Pengarah Jabatan Dasar dan Penyelidikan DBP, Rusli Abd. Ghani. Zulkifli berkata, penerbitan ensiklopedia itu turut mendan-

mula bertanya tentang perkara saintifik tersebut. Ini kerana sebarang orang hanya kaitkan nuklear itu bom sahaja, sedangkan teknologi nuklear boleh diaplikasikan dalam banyak bidang seperti pertanian, perubatan dan industri,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan




Sumbangan wanita dalam bidang sains perlu diiktiraf.

[FOTO HIASAN]

Info

Saintis wanita

- Doktor purba Mesir, Merit-Ptah direkodkan sebagai saintis wanita terawal dalam sejarah sains.
- Antara tahun 1650 dan 1710 seramai 14 peratus daripada ahli astronomi Jerman adalah wanita.
- Ahli astronomi wanita terkenal di Jerman adalah Maria Winkelmann.
